


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-48	Al-Fath	29	6	Madaniyyah	Ke-111	5



Zaman Diturunkan Surah Dan Latar Belakangnya

Surah al-Fath diturunkan pada bulan Zul Qa'dah tahun ke-6 Hijrah setelah berlakunya perjanjian damai di Hudaibiyah. Ia diturunkan ketika dalam perjalanan pulang dari arah Mekah ke Madinah.

1. Perang Ahzaab

Pada tahun ke-4 Hijrah orang-orang Quraisy Mekah bersama beberapa qabilah lain telah bersekutu membentuk satu pasukan tentera untuk menyerang Madinah. Mereka bagaimanapun tidak dapat masuk ke Madinah kerana parit besar dan dalam telah digali di sekelilingnya. Setelah tentera bersekutu itu mengepung Madinah selama sebulan, Allah s.w.t. melepaskan ribut yang dahsyat menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan tempat masing-masing dan pulang dengan gagal. Dengan begitu kerajaan Islam yang baru terbentuk terselamat daripada tindakan tentera bersekutu yang ganas itu, peperangan itu dipanggil perang Ahzaab atau perang Khandaq.

2. Mimpi Rasulullah

Setelah orang-orang Quraisy dan sekutu-sekutunya gagal dalam usaha mereka menghancurkan negara Islam, kira-kira setahun kemudian Rasulullah s.a.w. telah diwahyukan dalam bentuk mimpi bahawa Baginda sedang masuk ke Masjidil Haram, maka Rasulullah s.a.w. mengisytiharkan kepada umum untuk mengerjakan 'umrah pada tahun ke-6. Orang-orang munafiq menganggap langkah Rasulullah itu salah kerana itu bererti masuk ke mulut musuh. Rasulullah s.a.w. bagaimanapun bersama-sama dengan 1,400 orang sahabat yang ikhlas telah memakai ihram dengan niat 'umrah. Masing-masing mereka mempunyai pedang bersarung, 70 ekor unta korban dibawa bersama menuju ke Mekah di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w. dengan tiada maksud lain selain untuk pergi mengerjakan 'umrah. Setelah berada 15 batu saja dari Mekah (kira-kira 22 kilometer), Rasulullah s.a.w. telah berhenti di suatu tempat bernama Hudaibiyah, hari ini tempat itu dinamakan شَمْسِي, di dalam al-Qur'an pula tempat itu dinamakan بطن مكة. Dari sana Rasulullah s.a.w. mengutuskan Sayyidina 'Utsman sebagai dutanya untuk bertemu ketua orang-orang musyrikin Mekah, tujuannya ialah untuk mendapat kebenaran masuk ke Mekah dengan maksud mengerjakan 'umrah. Sayyidina 'Utsman pergi agak lama sehingga dirasakan oleh sesetengah pihak bahawa boleh jadi beliau telah dibunuh oleh pemimpin-pemimpin Quraisy Mekah, maka sebagai reaksi, Rasulullah s.a.w. telah berbai'ah dengan para sahabatnya yang pergi bersama-sama untuk melancarkan perang terhadap penduduk Mekah jika Sayyidina 'Utsman benar-benar telah dibunuh.

3. Bai'ah Ridhwan

Di situlah berlaku satu bai'ah yang dipanggil sebagai Bai'ah Ridhwan di antara Rasulullah dengan para

sahabatnya, tujuannya ialah jika benar-benar khabar angin tentang pembunuhan Sayyidina 'Utsman benar, maka sebagai tindak balasnya orang-orang Islam akan berperang dengan orang-orang kafir Quraisy sebagai menuntut bela atas kematian Sayyidina 'Utsman.

4. Perjanjian Hudaibiyah

Ia berlaku pada bulan Zul Qa'dah tahun ke-6 Hijrah, akhirnya pemimpin-pemimpin Quraisy telah menghantar Suhail bin 'Amar sebagai wakil mereka untuk berunding dan berbincang dengan pihak Rasulullah s.a.w., hasilnya terjadilah apa yang dinamakan sebagai perjanjian damai Hudaibiyah. Berdasarkan perjanjian damai itu kedua-dua pihak, orang-orang Quraisy Mekah dan juga negara Islam Madinah bersetuju untuk tidak berperang dan berdamai selama 10 tahun. Pemimpin-pemimpin Quraisy Mekah bagaimanapun tidak membenarkan orang-orang Islam masuk ke Mekah untuk mengerjakan 'umrah pada tahun itu, mereka sebaliknya membenarkan orang-orang Islam mengerjakan 'umrah pada tahun berikutnya iaitu pada tahun ke-7 Hijrah. Antara butir-butir perjanjian yang dipersetujui ialah mana-mana orang Quraisy yang pergi ke Madinah mesti dihantar pulang ke Mekah, sebaliknya orang-orang Islam yang pulang ke Mekah tidak akan dihantar balik ke Madinah. Qabilah-qabilah yang berada di pinggir Mekah dan sekitar Madinah diberikan kebebasan sama ada mereka hendak menjadi sekutu orang-orang Quraisy Mekah atau menjadi sekutu negara Islam Madinah dan banyak lagi butir-butir perjanjian yang dipersetujui. Berdasarkan perjanjian itu, jika berlaku sebarang pencerobohan dan pelanggaran terhadap mana-mana perkara yang dipersetujui dalam perjanjian itu oleh mana-mana pihak maka perjanjian akan dianggap terbatal.

5. Penguasaan dan pena'lukan Khaibar (فتح خيبر)

Ia berlaku pada bulan Muharram tahun ke-7 Hijrah. Setelah tidak ada lagi ancaman dari arah selatan, dengan adanya perjanjian damai di Hudaibiyah itu, Rasulullah s.a.w. pada bulan Muharram tahun ke-7 Hijrah menuju ke arah utara dan Baginda berjaya menguasai Khaibar yang berada di bawah kuasa orang-orang Yahudi. Dengan kejayaan peperangan Khaibar itu, orang-orang Islam telah mendapat banyak sekali harta ghanimah. Di dalam Surah al-Fath telah diberikan berita gembira akan mendapat harta rampasan perang yang banyak itu.

6. 'Umrah al-Qadha'

Ia berlaku pada bulan Zul Qa'dah tahun ke-7 Hijrah. Setahun setelah berlalu perjanjian Hudaibiyah Rasulullah s.a.w. telah berangkat ke Mekah bersama para sahabat untuk mengerjakan 'umrah al-qadha'. Setelah itu, kerana pencerobohan pemimpin-pemimpin Quraisy terhadap perjanjian damai Hudaibiyah, perjanjian itu terbatal, ia seperti tiada lagi.

7. Pembukaan Mekah (فتح مكة)

Ia berlaku pada bulan Ramadhan 8 Hijrah. Rasulullah s.a.w. bersama 10,000 orang sahabat telah berangkat pada bulan Ramadhan tahun ke-8 untuk menguasai Mekah. Baginda berjaya membuka dan menguasai Mekah. Pembukaan Mekah merupakan kejayaan terbesar umat Islam, setelah itu manusia masuk Islam dengan berbondong-bondong. Perjanjian Hudaibiyah yang berlaku pada bulan Zul Qa'dah tahun ke-6 merupakan titik permulaan kemenangan Islam. Ia menjadi kenyataan pada bulan Ramadhan tahun ke-8 Hijrah apabila Mekah berjaya dikuasai Rasulullah s.a.w., kerana itulah al-Qur'an menamakan perjanjian Hudaibiyah sebagai فتح مبين (kemenangan dan kejayaan yang terang).

Kelebihan Surah Al-Fath

Surah al-Fath lebih disayangi Rasulullah s.a.w. daripada dunia dan segala ni'matnya. Zaid bin Aslam meriwayatkan daripada ayahnya bahawa Rasulullah s.a.w. pernah sedang berada dalam suatu perjalanan, Sayyidina 'Umar juga ada bersama Baginda, pernah pada suatu malam Sayyidina 'Umar bertanya Rasulullah s.a.w. tentang sesuatu tetapi Rasulullah s.a.w. tidak menjawab, Sayyidina 'Umar telah bertanya buat kali kedua, Rasulullah s.a.w. tidak juga menjawab, setelah buat kali ketiga Sayyidina 'Umar bertanya dan Rasulullah s.a.w. tidak juga memberi apa-apa jawapan, Sayyidina 'Umar kesal dengan sikapnya sendiri sehingga beliau berkata: “تَكَلَّمْتُ أُمَّ عُمَرَ” (Ibu 'Umar kehilangannya), engkau telah bertanya Rasulullah tiga kali tetapi Rasulullah s.a.w. tidak menjawab pertanyaan engkau”. Kata Sayyidina 'Umar: Maka saya terus menaiki unta saya dan pergi jauh dari tempat berkenaan, aku sebenarnya takut kalau-kalau turun ayat al-Qur'an mengenaiku, setelah aku pergi tidak jauh dari situ tiba-tiba aku mendengar satu suara yang memanggil aku, terus terlintas di hatiku, apakah suatu ayat al-Qur'an telah turun tentang aku? Aku lantas pergi menemui Rasulullah s.a.w. dan memberi salam kepada Baginda, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda لَقَدْ أَنْزَلْتُ عَلَى اللَّيْلَةِ سُورَةً لَهَا أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا طَلَعَتِ الشَّمْسُ عَلَيْهِ ثُمَّ قَرَأَ إِنَّا فَتَحْنَا بِكَ فَتْحًا مُبِينًا Bermaksud: “Sesungguhnya pada malam ini satu surah telah diturunkan kepadaku, ia benar-benar lebih aku kasihi dan suka daripada apa yang dinaiki matahari (dunia), kemudian Baginda membaca إِنَّا فَتَحْنَا بِكَ فَتْحًا مُبِينًا” Hadits riwayat Bukhari, Kitab Tafsir, Bab Tafsir Surah al-Fath, hadits 4,553.

Kesinambungan Surah Al-Fath Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam Surah Muhammad sebelum ini terdapat tuntutan dan gesaan supaya orang-orang Islam berjihad dan berinfaq, jika mereka bersikap bakhil dan kedekut maka Allah berdasarkan sunnahNya boleh menukar dan menggantikan mereka dengan kaum lain yang sanggup berjihad dan berinfaq. Di dalam Surah al-Fath ini diberikan berita gembira tentang faedah dan hasil daripada jihad dan infaq, ia

disebutkan dengan lafaz مَغَانِمَ كَثِيرَةً (harta rampasan perang yang banyak).

2. Di dalam Surah al-Fath disebutkan tentang orang-orang yang tidak ikut serta bersama Rasulullah dalam perjalanan Baginda untuk mengerjakan `umrah. Mereka ragu dan bimbang tentang orang-orang Islam yang pergi ber`umrah. Pada fikiran mereka, orang-orang yang pergi itu mungkin tidak akan kembali lagi. Di dalam Surah al-Hujuraat akan datang pula dijelaskan dengan semata-mata ucapan lidah, seseorang tidak menjadi mu`min sejati kerana ia mungkin memeluk agama Islam kerana takut kepada kuasa Islam. Di dalamnya dijelaskan 5 sifat orang-orang mu`min sebenar, mereka ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan beriman kepada RasulNya. Kemudian mereka tidak ragu tentang kebenaran Islam lalu sanggup berjihad di jalan Allah dengan mengorbankan harta benda dan jiwa raganya. Itulah orang-orang mu`min yang sebenar.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Di dalam surah ini sebanyak 2 kali orang-orang Islam difahamkan bahawa kemenangan dan pertolongan itu datangnya dari Allah. Semua tentera Allah baik di bumi atau di langit berada dalam kekuasaan Allah dan menurut kehendakNya (Ayat: 7).

وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ غَزِيرًا حَكِيمًا ⑤

2. Orang-orang munafiq yang buruk sangka terhadap Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang ikhlas telah diberi peringatan sebanyak 2 kali.

(a) Allah akan menghukum orang-orang munafiq dan musyrik, mereka dimurkai Allah, mereka juga akan dila`nat dan menjadi ahli neraka (Ayat: 6).

وَيُعَذِّبُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ الظَّالِمِينَ بِاللَّهِ ظَنَّ السَّوْءَ عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السَّوْءِ وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلَعَنَهُمْ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ⑥

(b) Orang-orang munafiqin menyangka Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang berangkat untuk mengerjakan `umrah ke Mekah tidak akan berjaya pulang ke Madinah dengan selamat (Ayat: 12).

بَلْ ظَنَنْتُمْ أَنْ لَّنْ يَنْقَلِبَ الرَّسُولُ وَالْمُؤْمِنُونَ إِلَى أَهْلِيهِمْ أَبَدًا وَزَيَّنَ ذَلِكَ فِي قُلُوبِكُمْ وَظَنَّتُمْ ظَنَّ السَّوْءِ وَكُنْتُمْ قَوْمًا بُورًا ⑦

3. Berita gembira akan mendapat kemenangan untuk orang-orang Islam.

Di dalam surah ini terdapat berita gembira bahawa orang Islam akan dapat menguasai Mekah dalam masa terdekat dan setelah beberapa tahun kemudian, mereka akan dapat menguasai negara-negara lain satu demi satu seperti Syam, Iraq, Iran, Khurasan, Azerbaijan, Palestin, Mesir, Libya dan lain-lain. مَغَانِمَ كَثِيرَةً (harta rampasan perang yang banyak) yang tersebut di dalam surah ini terus menerus menjadi

kenyataan.

(a) Orang-orang Islam diberi berita gembira akan mendapat harta rampasan perang yang banyak (Ayat: 19).

وَمَغَانِمَ كَثِيرَةً يَأْخُذُونَهَا وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ۝

(b) Allah juga telah memberi berita gembira bahawa Dia menahan orang-orang kafir daripada tindakan ketenteraan mereka dan orang-orang Islam akan mendapat banyak sekali harta rampasan perang (Ayat: 20).

وَعَدَكُمْ اللَّهُ مَغَانِمَ كَثِيرَةً تَأْخُذُونَهَا فَعَجَّلَ لَكُمْ هَذِهِ وَكَفَّ أَيْدِيَ النَّاسِ عَنْكُمْ

4. Orang-orang yang tidak ikut serta mengerjakan ibadat 'umrah bersama Rasulullah disebutkan sebagai مُخَلَّفُونَ (orang-orang yang ketinggalan di belakang). Perkataan ini merupakan satu istilah yang telah digunakan sebanyak tiga kali di dalam Surah al-Fath.

(a) Orang-orang munafiq dari kalangan masyarakat hulu Arab dipanggil مُخَلَّفُونَ, rahsia dan helah mereka didedahkan dengan mengatakan bahawa apa yang ada di dalam hati mereka lain daripada apa yang ada pada percakapan mereka (Ayat: 11).

سَيَقُولُ لَكَ الْمُخَلَّفُونَ مِنَ الْأَعْرَابِ شَغَلَتْنَا أَمْوَالُنَا وَأَهْلُونَا فَاسْتَغْفِرْ لَنَا يَقُولُونَ بِأَلْسِنَتِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ

(b) مُخَلَّفُونَ yang terdiri daripada orang-orang munafiq juga dimaklumkan bahawa mereka tidak akan dibawa bersama dalam pasukan tentera yang akan pergi memerangi Khaibar (Ayat: 15).

سَيَقُولُ الْمُخَلَّفُونَ إِذَا انْطَلَقْتُمْ إِلَى مَغَانِمَ لَنَا خُذُوهَا دَرُونا نَتَّبِعْكُمْ يُرِيدُونَ أَنْ يُبَدِّلُوا كَلِمَ اللَّهِ قُلْ لَنْ تَتَّبِعُونَا

(c) مُخَلَّفُونَ dari kalangan penduduk Arab hulu diingatkan bahawa mereka akan diseru untuk berperang pada masa akan datang dan iman mereka akan teruji (Ayat: 16).

قُلْ لِلْمُخَلَّفِينَ مِنَ الْأَعْرَابِ سُدْعَةٌ إِلَى قَوْمٍ أُولِي بَأْسٍ شَدِيدٍ تُقَاتِلُونَهُمْ أَوْ يُسْلِمُونَ

5. Para sahabat yang ikhlas yang telah berbai'ah di bawah pokok (dalam Bai'ah Ridhwan) telah diberikan gelaran رَضِيَ اللَّهُ (Ayat: 18). Dalam memuji mereka, Allah berfirman bahawa mereka mengasihani terhadap satu sama lain dan terhadap orang-orang kafir pula mereka bersikap keras. Mereka juga selalu dan sentiasa mencari kurniaan dan keredhaan Allah s.w.t. (Ayat: 29).

6. Perjanjian Hudaibiyah yang telah berlaku di antara orang-orang Islam dengan orang-orang Quraisy dianggap oleh sesetengah pihak sebagai perjanjian yang tidak menguntungkan orang-orang Islam, sebahagian mereka tidak berpuas hati dengannya tetapi kemudiannya Allah menurunkan سَكِينَةً kepada

mereka. Surah ini menyebutkan tentang turun سَكِينَةٌ sebanyak 3 kali.

(a) Allah telah menurunkan سَكِينَةٌ ke atas hati 1,400 orang-orang yang beriman untuk menambahkan lagi iman mereka. Merekalah golongan terbaik di atas muka bumi pada ketika itu (Ayat: 4).

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَعَ إِيمَانِهِمْ

(b) Berita gembira telah diberikan oleh Allah kepada orang-orang yang telah berbai'ah kepada Rasulullah di bawah pokok, dikatakan سَكِينَةٌ turun kepada mereka (Ayat: 18).

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

(c) Hati orang-orang kafir dikuasai حَمِيَّةُ الْجَاهِلِيَّةِ (semangat Jahiliyah), keatas hati orang-orang mu'min pula Allah menurunkan سَكِينَةٌ (Ayat: 26).

إِذْ جَعَلَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيَّةَ الْجَاهِلِيَّةَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَلْزَمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَى وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا وَأَهْلَهَا